

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 SEPTEMBER 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	TPM sumbang penjana bekalan kuasa	Utusan Malaysia
2.	Kastam KLIA patah cubaan seludup ketamin RM227,250 tahan warga India	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 29
TARIKH : 6 SEPTEMBER 2016 (SELASA)



PROGRAM MSI yang diperkenalkan MOSTI membolehkan rakyat menerima bantuan dalam bentuk peralatan.

TPM sumbang penjana bekalan kuasa



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH menyampaikan sumbangan penjana elektrik sambil disaksikan oleh Mohd. Azman Shahidin (kiri) di Melaka baru-baru ini.

TECHNOLOGY Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) baru-baru ini menyumbang 80 unit penjana bekalan kuasa mesra alam (*eco genset*) kepada penjaja pasar malam terpilih di bawah program **MOSTI Social Innovation (MSI)**, projek perintis untuk menyemai teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat setempat.

Program MSI juga bertujuan menguji inovasi mesra alam yang dibangunkan dalam negara untuk menilai daya maju produk dan daya maju pasaran.

TPM telah membangunkan penjana bekalan kuasa inovatif tersebut menggunakan bateri yang boleh diperbaharui untuk menggantikan penjana diesel konvensional.

Eco genset tersebut diserahkan kepada penjaja di tapak pasar malam Bertam Jaya Cheng Melaka oleh Timbalan Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah**.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, **Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin**, projek itu yang dibiayai oleh MOSTI di bawah program MSI bertujuan berbakti kepada masyarakat, serta bukti sokongan TPM untuk pengkomersialan inovasi tempatan.

Azman berkata, salah satu

INFO PENJANA BEKALAN ELEKTRIK

Output AC maksimum 150 W, dua unit soket USB, empat unit DC output 12V dan paparan kristal cecair (LCD).

Saiz 13 x 21.5 x 11.5 sentimeter Z(sm)

Mudah alih, padat dan ringan.

Berat kira-kira tiga kilogram (kg) sahaja.

Menggunakan teknologi lithium polimer terkini.

Apabila dicas sepenuhnya, ia boleh mencecah sehingga lima jam penggunaan.

cara yang paling penting untuk menguji dan menilai potensi komersial sesuatu inovasi baharu yang dibangunkan adalah dengan menggalakkan masyarakat menggunakannya. "Bagi menggalakkan pertumbuhan pembangunan

teknologi dan inovasi, adalah penting untuk mengambil kira penerimaan pasaran bagi sesuatu inovasi.

"Adalah sia-sia bagi seorang pencipta untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang inovatif jika tiada penerimaan pasaran," kata Azman.

Penjana berkenaan yang dibangunkan dalam negara adalah sangat sesuai untuk penjaja pasar malam.

Penjana elektrik berkenaan adalah produk mesra alam dan sesuai untuk kegunaan luar, terutama penjaja pasar malam, gerai dan aktiviti berkelah. Ia juga boleh berfungsi sebagai sebagai penjana sandaran untuk kegunaan isi rumah.

Unit ini adalah mudah untuk beroperasi dan menawarkan faedah penjimatan kos. Merangkumi ciri-ciri teknologi hijau, *eco genset* mempunyai reputasi mesra alam dengan ciri-ciri kelebihan seperti senyap, tidak berbau dan tanpa asap apabila beroperasi.

Sebagai sebuah agensi MOSTI, TPM mempunyai infrastruktur bersepadu, kemudahan dan perkhidmatan sokongan untuk membantu usahawan yang berminat untuk mengkomersialkan idea mereka dalam empat kelompok industri, iaitu, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kejuruteraan, bioteknologi dan teknologi hijau.



Kastam KLIA Patah Cubaan Seludup Ketamin RM227,250, Tahan Warga India

SEPANG, 5 Sept (Bernama) -- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mematahkan cubaan penyeludupan 5.05 kilogram dadah jenis ketamin bernilai RM227,250 serta menahan seorang lelaki warga negara India.

Pengarah Kastam KLIA Datuk Chik Omar Chik Lim berkata lelaki berusia 46 tahun itu ditahan di Balai Ketibaan KLIA kira-kira 9 pagi pada 27 Ogos setelah tiba dari Chennai, India dan imbasan terhadap bagasinya menampakkan imej yang meragukan.

"Pemeriksaan ke atas bagasi suspek mendapati ia diisi dengan selendang, pakaian wanita dan empat kotak makanan.

"Pemeriksaan lanjut menemui dua bungkusan serbuk putih yang disembunyikan di dalam bagasi pada bahagian bawah lapisan dalam beg," katanya pada sidang media di Kompleks Kastam KLIA di sini Isnin.

Beliau berkata empat kotak makanan itu akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk ujian lanjut.

Chik Omar berkata siasatan lanjut mendapati suspek memasuki Malaysia sebanyak dua kali pada tahun ini dan kali pertama beliau memasuki Malaysia pada Julai dan berada di Malaysia selama seminggu.

Suspek direman selama tujuh hari ini dan dilanjutkan empat hari sehingga Rabu ini untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 39 B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang jika disabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati mandatori.

-- BERNAMA